| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 100 terima zakat RM25,000 | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 08 Mar 2013 | Language | Malay |
| Circulation | 324,097 | Readership | 1,981,000 |
| Section | Supplement | Color | Full Color |
| Page No | 6 | ArticleSize | 137 cm² |
| AdValue | RM 5,060 | PR Value | RM 15,179 |
| | | | |


Metroplus

Pengangkutan awam sistematik

'Usah terlalu taasub politik'

100 terima zakat RM25,000

**Sintok:** Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM), mengagihkan wang zakat RM25,000 kepada 100 kakitangan Uniutama Property Sdn Bhd (UPSB), bagi membantu meringankan beban ditanggung mereka, baru-baru ini.

Wang zakat berkenaan diserahkan Pengarah Pusat Islam, Prof Madya Dr Ismail Ishak kepada penerima terbabit di Dewan Seminar Pusat Islam, UUM, di sini.

Beliau berkata, setiap penerima menerima agihan zakat RM250 dan diharap dapat meringankan beban mereka selain menjadi tanggungjawab sosial UUM kepada golongan memerlukan.



DR Ismail (dua dari kiri) beramah mesra dengan penerima zakat.

# 100 terima zakat RM25,000

"Nikmat, rezeki dan rahmat ini harus dikongsi bersama dan menjadi pemangkin untuk terus ikhlas dalam melakukan pekerjaan.

"Pemberian zakat ini bukan saja dapat membantu, namun biarlah bantuan itu diberikan kepada mereka yang benar-benar layak dan adil," katanya ketika ditemui, di sini.

Powered by: MediaBanc Be informed